



Rujukan kami : PBS.HEP.600-1/9 JLD. 2(104)
Tarikh : 6 September 2019

KEPADA PELAJAR BAHARU,

Tuan,

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI DISEMBER 2019

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Tahniah diucapkan kerana tuan berjaya ditawarkan pengajian di Politeknik Banting Selangor (PBS). Sehubungan dengan itu, tuan dikehendaki mendaftar diri sebagaimana maklumat berikut :

- Tarikh** : 2 Disember 2019 (Isnin)
Masa : 8.30 pagi -10.00 pagi
Tempat : Politeknik Banting Selangor
Pakaian : i. Lelaki - Baju kemeja putih, seluar slack berwarna gelap, tali leher, berambut pendek, Kasut.
ii. Perempuan - Baju kurung/ baju kemeja berwarna putih, kain/ skirt labuh berwarna hitam, kasut bertutup.
Penginapan : Penginapan di Kolej Kediaman adalah WAJIB kepada semua pelajar

3. Semua pembayaran perlu dibuat sebelum **26 November 2019** bagi melancarkan proses pendaftaran (rujuk Buku Panduan Pendaftaran Sesi Disember 2019).

4. **Pra Pendaftaran Online** perlulah dibuat sebelum **28 November 2019** melalui laman web www.polibanting.edu.my.

5. Jika tuan **tidak mendaftar** pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan, pihak kami beranggapan **TUAN MENOLAK TAWARAN INI.**

6. Segala perhatian serta kerjasama tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah

(DR. HJH. NORHAYATI BINTI ZAKARIA)

Pengarah

Politeknik Banting Selangor

